

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	27 AUGUST 2016

Dr. Mahathir terus dikritik isu bangsa Johor

JOHOR BAHRU 26 Ogos - Kenyataan bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad mengenai bangsa Johor terus menerima kritikan daripada beberapa pemimpin yang menganggap konsep tersebut sudah terbukti berjaya menyatupadukan rakyat berbilang kaum di negeri ini.

Ketua Penerangan UMNO negeri, **Datuk Samsolbari Jamali** berkata, Johor telah mewarisi sejarah dan tamadun yang panjang serta bangkit membangun dan memartabatkan tamadun Melayu yang perkasa, dinamik dan gemilang.

Beliau berkata, rakyat negeri ini amat berbangga tetapi tidak pernah memperkecilkan negeri lain yang berhijrah dan bermastautin

di sini kerana berkongsi sumber rezeki.

"Kami hormat dan mereka juga amat seslesa dengan cara Johor. Jika tidak mampu memuji usahlah mengeji dan jika tidak mampu berterima kasih, usahlah menidakkan usaha kami dan jika tidak mampu membantu, jangan susahkan dan tambah beban kami," katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini hari ini.

Beliau yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Semarang turut mempersoalkan kenapa harus ada pihak yang cemburu tentang cara Johor sedangkan usaha berkenaan tidak mengganggu



SAMSOLBARI JAMALI

orang lain dan konsep bangsa Johor mengikat muafakat untuk membangunkan negeri dan masyarakat, sekali gus menyumbang terhadap pembangunan negara.

"Usah rosakkan usaha yang baik dengan prasangka buruk. Kami pernah hormat, setia dan menyumbang ke-

pada pemimpin yang sebelumnya dan realitinya tidak semua mereka tahu dan betul. Bangsa Johor akan kekal sebagai identiti politik Johor yang menjurus terhadap muafakat, muhibah dan kesatuan antara kaum di negeri ini serta usahlah dipertikaikan apa yang kami lakukan, tapi lihatlah kebaikan

dan apa yang kami sumbangkan," tegasnya.

Sementara itu, Ketua Wanita UMNO negeri, **Datuk Sharifah Azizah Syed Zain** menegaskan bahawa bangsa Johor bukan istilah yang pelik apatah lagi bertenangan dengan perpaduan serta semangat muhibah dalam kalangan rakyat negara ini.

"Ini adalah satu platform dan kaedah terbaik untuk mengeratkan lagi hubungan antara masyarakat di negeri itu dan tidak timbul soal bersifat kenegerian serta pentingnya muafakat dan perpaduan yang dibawa oleh Sultan Ibrahim Sultan Iskandar dan kepimpinan Johor, iaitu Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin," katanya.

UM - 27/8/2016